

# Pendirian Tun M titik noktah

**KUALA LUMPUR 29 Mei -**

Kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu kuota matrikulasi semalam disifatkan sebagai 'titik noktah' mengakhiri pertikaian tersebut.

Ketua I Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Datuk Zainal Abidin Borhan berkata, semua pihak juga diminta akur dengan kenyataan pemimpin tersebut dan mahu isu berkenaan tidak dipolemikkan pada masa akan datang.

Katanya, pendirian Dr. Mahathir itu juga disifatkan sebagai sokongan terhadap Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik yang turut mahu memastikan peluang pekerjaan kepada bumiputera tidak dinafikan hanya kerana faktor tertentu termasuk bahasa Mandarin.



**KERATAN Utusan Malaysia semalam.**



**ZAINAL ABIDIN BORHAN**

"Sekarang ini demokrasi dah terlampau terbuka. Perkara ini juga bukannya baharu dan mereka sudah pandai meminta-minta umpama pepatah Melayu, *di padang orang berlari-lari, di padang sendiri berjengket-jengket.*

"Apabila Dr. Mahathir memberi negosiasi sebegitu, ini bermakna tidak ada lagi pertikaian pada masa akan datang apa jua alasan sekalipun," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mempertahankan Maszlee yang mengaitkan isu kuota matrikulasi dengan bahasa Mandarin sebagai syarat mendapat pekerjaan.

Dalam pada itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semanjung Malaysia (GPMS), Alif Anas Md. Noor berkata, semua pemimpin parti politik tidak perlu mempersoalkan kuota matrikulasi demi kepentingan perpaduan antara kaum di negara ini.

Menurutnya, apa yang penting semua pihak perlu memberi fokus bagi meningkatkan ekonomi dan pembangunan negara.